

**IMPLEMENTATION OF QURAISHIYYAH CONCEPT IN MALAYSIA GOVERNANCE**

**PELAKSANAAN KONSEP QURAISHIYYAH DALAM SISTEM PEMERINTAHAN DI MALAYSIA**

Mohd Sufian Moktar<sup>i</sup>, Wan Mohd Yusof Wan Chik<sup>ii</sup>, Nur Fazliza Zulkafli<sup>iii</sup>, Ahmad Zamani Nawi<sup>iv</sup> & Razi Yaakob<sup>v</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). sufianmoktar@unisza.edu.my

<sup>ii</sup> Profesor Madya, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Felo Penyelidik, Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin; Timbalan Pengerusi, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). mohdyusof@unisza.edu.my

<sup>iii</sup> Guru Bahasa, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). fazlizazulkafli@unisza.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). ahmadzamani@unisza.edu.my

<sup>v</sup> Pensyarah, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). raziyaakob@unisza.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The concept of Quraishiyah is among the discussions in Islamic political books by making it a condition of leadership in Islam. This concept was put forward through the theory of ‘usbah by Ibn Khaldun as a necessity from the aspect of authority in the leadership of a government with Quraish supremacy. Unfortunately, when this concept is tried to be applied in some Muslim countries, this is not in accordance with the arrangement of Quraish supremacy as the basis of authority specifically in non -Arab Muslim countries. Therefore, this paper tries to make an overview of the concept of Quraishiyah and the elements that are a measure of the essence of this concept in the context of Malaysian national politics. This qualitative study will involve a full library study. The facts will be critically analyzed through inductive, deductive, and historical methods in order to trigger ideas, core concepts and the most significant elements of the Quraishiyah concept. The study found that the concept of Quraishiyah is based on the general maslahah of a government from the aspect of political fiqh. In relation to that, in the Malaysian context, the concept of Quraishiyah is seen from the elements of siyadah tarikhyyah, siyadah sya’biyyah and siyadah dusturiyyah. The application of the Quraishiyah concept is seen to be able to guide the government, leaders, fatwa bodies and religious authorities in efforts to maintain and strengthen stability, national integration and racial unity in Malaysia whose population is multi-ethnic and Muslim in the majority.</i></p> <p>Keywords: <i>Fiqh, Nationhood, Quraishiyah, Majority, Stability.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Konsep Quraishiyah adalah antara perbincangan dalam buku siyasah shar’iyyah dengan menjadikannya sebagai syarat kepimpinan dalam Islam. Konsep ini dikemukakan melalui teori ‘usbah oleh Ibn Khaldun sebagai keperluan dari aspek wibawa dalam kepemimpinan sesebuah pemerintahan dengan ketuanan Quraish. Malangnya apabila konsep ini cuba diaplikasikan pelaksanaannya di beberapa negara Muslim, hal ini adalah tidak sesuai dengan perkiraan ketuanan Quraish sebagai asas kewibawaan terutamanya di negara muslim yang bukan Arab. Justeru kertas ini cuba membuat tinjauan terhadap konsep Quraishiyah dan elemen yang menjadi ukuran kepada intipati konsep</i></p>

*ini dalam konteks politik kenegaraan Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif ini akan melibatkan kajian perpustakaan sepenuhnya. Fakta-fakta akan dianalisis secara kritis melalui kaedah induktif, deduktif, dan historikal demi mencetuskan idea, konsep terasas dan elemen terpenting konsep Quraishiyah. Kajian mendapati konsep Quraishiyah berasaskan kepada masalah umum bagi sesebuah pemerintahan dari aspek fiqh siyasah. Sehubungan dengan itu, dalam konteks Malaysia konsep Quraishiyah itu dilihat dari elemen siyadah tarikhyyah, siyadah sya'biyyah dan siyadah dusturiyyah. Aplikasi konsep Quraishiyah ini, dilihat mampu memandu pihak kerajaan, para pemimpin, badan fatwa dan pihak berkuasa agama dalam usaha mengekalkan serta mengukuhkan kestabilan, integrasi nasional dan perpaduan kaum negara Malaysia yang penduduknya adalah majoriti Muslim dalam kemajmukan.*

Kata kunci: *Fiqh, Kenegaraan, Quraishiyah, Majoriti, Kestabilan.*

## PENDAHULUAN

Konsep Quraishiyah merupakan salah satu syarat pemimpin yang wajib dipenuhi sebagaimana perbincangan dalam kitab fiqh politik, terutamanya dalam al-Ahkam al-Sultaniyyah karya Imam al-Mawardi dalam menjadikan suku Quraish sebagai salah satu syarat calon khalifah. Malah beliau menegaskan syarat suku Quraish adalah menjadi ijmak yang tidak memungkinkan sesiapa untuk menolak atau menimbulkan keraguan padanya (Al-Mawardi, 1960: 6).

Namun kesesuaian konsep ini untuk diaplikasikan pada hari ini harus mengambil kira aspek lokaliti dan kesetempatan yang dapat disesuaikan dengan kepelbagaian kaum Islam, lebih-lebih lagi di negara umat Islam yang tidak mempunyai keturunan Quraish. Begitupun konsep Quraishiyah adalah dilihat janggal apabila seringkali diperbincangkan pada masa kini, menyebabkan terbantut pada peringkat aplikasi di tempat tertentu yang mempunyai umat Islam selain keturunan Quraish.

Kedangkalan tasawur terhadap konsep ini dilihat secara sinis oleh golongan sekular bahawa fiqh siyasah tidak sesuai atau ketinggalan zaman pengamalannya untuk diterapkan ke dalam komuniti Muslim. Isu ini timbul kerana kurangnya penekanan kepada intipati di sebalik konsep Quraishiyah yang lebih fokus kepada realiti ummah pada hari ini, terutama dalam keadaan masyarakat majmuk dalam sesebuah negara.

## KONSEP QURAISHIYAH

Quraishiyah merupakan nisbah kepada puak atau kabilah utama di Mekah. Secara tepatnya Quraish pada asalnya merujuk kepada keturunan Kinanah sebagaimana dinyatakan dalam hadith:

{وَأَصْطَفَى قُرَيْشًا مِنْ كِنَانَةَ}

Maksudnya: "Dan (Allah) memilih Quraish dari Kinanah". (Hadith. Muslim, 1955: 2286: no. 1782)

Namun menurut ahli sejarah, Quraish adalah gelaran kepada seseorang yang mempunyai nama aslinya. Terdapat dua pandangan tentang nama asli individu tersebut iaitu al-Nadhr bin Kinanah dengan gelaran Quraish al-Akbar dan Fihr bin Malik bin al-Nadhr dengan gelaran Quraish al-Awsat. Majoriti ahli sejarah bersetuju dengan pandangan pertama sebagai asal-usul Quraish. Hal ini disimpulkan oleh Ibn Khaldun bahawa pada asalnya al-Nadhr digelar sebagai Quraish, manakala Fihr disebut Quraish kerana beliau merupakan keturunan lelaki al-Nadhr disebabkan al-Nadhr tidak mempunyai keturunan lelaki melainkan Fihr (Ibn Khaldun, 1988: 387).

Gelaran Quraish yang diberikan kepada al-Nadhr oleh masyarakat Mekah mempunyai beberapa sebab iaitu dari aspek peristiwa dan bahasa. Dari aspek peristiwa, Ibn Abbas meriwayatkan bahawa al-Nadhr pernah membunuh ikan jerung yang

dinamakan oleh rombongan al-Nadhr sebagai Quraish ketika mereka menaiki kapal. Terdapat juga pandangan yang menyatakan keturunan al-Nadhr sentiasa mengalahkan puak atau kabilah yang lain sebagaimana ikan jerung Quraish mengalahkan ikan-ikan yang lain.

Dari aspek bahasa pula, Quraish adalah perkataan yang berasal dari perkataan *al-taqrish* yang bermaksud *al-tajmi'* iaitu berkumpul. Ia berpunca kerana puak mereka berkumpul selepas mereka terpecah. Namun ada juga mengatakan perkataan *al-taqrish* bermaksud perdagangan (Al-Qalqashandi, 1980: 398) disebabkan aktiviti kebiasaan mereka adalah berdagang sebagaimana dikisahkan dalam al-Quran surah Quraish di mana mereka biasa melakukan perjalanan untuk berdagang pada musim sejuk ke Yaman dan pada musim panas ke Syam.

Sehubungan dengan itu, pada asalnya Quraish ialah gelaran satu puak atau kabilah di Mekah. Namun apabila Quraish diberikan keistimewaan oleh Nabi SAW dengan hadith baginda yang menegaskan "*pemimpin itu dari Quraish*" (Ahmad bin Hanbal, 2001, 12307: no. 318), maka Quraish memiliki hak yang melebihi puak atau kabilah lain dari aspek politik kekuasaan. Apabila Quraish memiliki hak sebagai yang terpilih untuk memerintah, maka ia terus dijadikan panduan bagi umat Islam dan dimanifestasikan dalam politik pemerintahan sehingga menjadi satu gagasan yang akhirnya melahirkan konsep yang disebut sebagai Quraishiyah.

Hakikatnya hak dan keistimewaan yang diberikan oleh Nabi SAW kepada Quraish bukan hanya kerana kecenderungan peribadi baginda terhadap keturunannya sendiri semata-mata. Namun hak tersebut merupakan amanah Nabi SAW untuk memberikan tanggungjawab politik kepada yang paling mampu memikul urusan ummah. Kemampuan memimpin dan mentadbir ini menjadi punca utama pilihan Nabi SAW untuk memberikan hak tersebut kepada Quraish. Hal ini disebabkan kewibawaan yang terdapat pada Quraish sangat menonjol berbanding puak atau kabilah yang lain ketika zaman itu. Kewibawaan Quraish itulah menjadi asas dan akar mengapa Quraish menjadi pilihan utama untuk memegang kuasa pemerintahan.

Kewibawaan Quraish dapat dilihat melalui dua unsur, yang mana kedua-dua unsur itu membina keperibadian Quraish sehingga mereka diberikan penghormatan dan digeruni. Kedua-dua unsur tersebut adalah *asabiyyah* dan amanah.

### **Asabiyyah**

*Asabiyyah* adalah mengajak orang lain untuk membela keluarga sama ada keluarga itu zalim atau tidak daripada diserang oleh pihak lain (Ibn Manzur, 1993: 606). Asasnya istilah *asabiyyah* mempunyai konotasi negatif dan positif. Dianggap konotasi negatif apabila mempertahankan puak atau kabilah sendiri secara keterlaluan. Hal ini digambarkan oleh Rasulullah SAW dalam hadithnya bermaksud:

*"Bukan termasuk dalam kalangan umatku bagi sesiapa yang menyeru kepada asabiyyah, bukan termasuk dalam kalangan umatku bagi sesiapa yang berperang atas dasar asabiyyah dan bukan termasuk dalam kalangan umatku yang mati membela asabiyyah"* (Hadith. Abu Dawud, 2009: 5121: no. 414).

*Asabiyyah* keterlaluan ini bermaksud taksud kepada suatu kumpulan secara mutlak (Al-Husni, 2011: 283) sehingga membantu orang yang zalim. Menurut Ibn Taymiyyah, *asabiyyah* keterlaluan ini adalah perbuatan arab jahiliah yang dilarang dan dikeji (Al-Husni 2011: 283) kerana ia dalam kerangka fanatik melulu untuk mempertahankan suatu kumpulan tanpa pertimbangan terhadap sesuatu perkara sama ada baik atau buruk. Ia berpunca tidak menyelidik dahulu apa yang dipertahankan seolah-olah seorang yang jahil yang bertindak tanpa ilmu pengetahuan terhadap sesuatu yang dilakukannya.

Begitupun *asabiyyah* dari sudut pandang negatif boleh menyebabkan implikasi yang buruk kepada masyarakat dan negara akibat ketaksukan yang berlebihan, namun Ibn Khaldun ketika mengemukakan teori kenegaraan beliau mengungkapkan *asabiyyah* dari

sudut positif. Konotasi positif bagi *asabiyyah* ini diungkapkan oleh beliau dengan menggunakan istilah '*usbah*, di mana perkataan '*usbah* ini adalah kata dasar bagi *asabiyyah*. '*Usbah* membawa maksud ikatan kekitaan antara satu bangsa yang kukuh. Ikatan kekitaan ini terbina bermula dalam kalangan sesama keluarga sehingga ia mendorong kepada kekuatan sesuatu kelompok atau puak. Dorongan ini berpunca daripada kerjasama yang kuat kerana mereka mempunyai salasilah keturunan yang sama sehingga lahirnya perasaan saling menyayangi antara satu sama lain (Ibn Khaldun, 1988).

Jika diamati, rasa persaudaraan '*usbah* yang kuat sesuatu kelompok ini akan membina sebuah perpaduan yang wujud secara semulajadi. Apabila '*usbah* berlaku dalam kelompok yang lebih besar dalam sebuah sistem kerajaan, maka terhasilnya kekuatan semulajadi sesebuah kerajaan yang bercirikan '*usbah*. Malah faktor besar rahsia kerajaan Bani Umayyah mampu bertahan lama adalah disebabkan oleh '*usbah*.

Ketika itu majlis yang bertanggungjawab memilih calon khalifah dikenali *ahl al-hall wa al-aqd* menolak calon khalifah yang tiada pertalian kekeluargaan dengan mereka. Mereka hanya menerima calon daripada Quraish sahaja. Hal ini disokong oleh Muawiyah yang mana jika ikatan '*usbah* dihapuskan dalam pemilihan khalifah, maka perpecahan akan timbul kerana suatu perkara tidak dapat diperjuangkan tanpa adanya rasa kekitaan sesama mereka iaitu '*usbah* atau *group feeling* (Ibn Khaldun, 1988).

### **Amanah**

Amanah berasal daripada perkataan Arab iaitu ketenangan diri dan hilangnya ketakutan (Al-Munawi, 1937: 223). Secara istilah, amanah bermaksud setiap hak yang wajib dilaksana dan dijaga (Al-Munawi 1937: 223) oleh orang yang diberi kepercayaan dan mempunyai kemampuan sama ada hak tersebut berbentuk harta, kehormatan diri atau selain daripadanya (Al-Jahiz, 1989: 24).

Oleh kerana amanah adalah bebanan yang besar untuk dipikul terutamanya sebagai seorang pemimpin dari aspek politik, maka seharusnya pemegang amanah tersebut mempunyai keupayaan untuk memikulnya. Hal ini jelas ditekankan oleh Ibn Taymiyyah ketika membincangkan tentang kepimpinan. Beliau menyatakan terdapat dua rukun kepimpinan menurut Allah SWT yang harus dipelihara iaitu *quwwah* dan amanah (Ibn Taymiyyah, 1997: 15). Sehubungan itu, sifat amanah tidak boleh bersendirian bagi seseorang pemimpin tanpa memiliki keupayaan untuk menjalankan amanah dengan *quwwah*.

Menurut al-Mawardi, ulama telah berijmak bahawa ciri penting pemilihan pemimpin adalah mereka yang mempunyai keupayaan (*quwwah*) dalam menjalankan amanah berteraskan ilmu, kebijaksanaan dan kaedah yang sesuai dengan masalah yang dihadapi. Pelantikan pemimpin yang mengabaikan dari aspek *quwwah* ini adalah merupakan suatu pengkhianatan terhadap asas penting kualiti kepimpinan yang ada. Apabila pemilihan seseorang pemimpin yang lemah dan tidak mampu mengurus sesuatu amanah akan mengundang kepada kepincangan pentadbiran di bawah kepimpinannya (Al-Mawardi, 1960).

Ciri *quwwah* ini dapat dilihat pada Quraish sehingga Nabi SAW mengakui sifat ini wujud pada puak itu. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Daripada Abi Hurayrah r.a., sesungguhnya Nabi SAW bersabda, "*Manusia akan mengikuti Quraisy dalam hal ini. Muslim dalam kalangan mereka akan mengikuti yang Muslim mereka (bangsa Quraisy), manakala yang kafir juga akan mengikuti yang kafir (dalam kalangan Quraisy)* (Hadith. Al-Bukhari, 1987: 3306: no. 31288).

Hadith ini jelas menunjukkan bagaimana Nabi SAW meletakkan kedudukan Quraish lebih tinggi berbanding puak lain. Pada zaman tersebut secara umumnya masyarakat sudah mengenali Quraish itu merupakan puak yang kuat sehingga diberikan kedudukan Quraish sebagai ketua bangsa Arab, *ashab* tanah haram dan ahli Baitullah. Kekuatan yang ada pada Arab Quraisy ini menyebabkan ramai yang mengikuti jejak mereka apabila mereka menganut Islam sehingga Makkah diislamkan (Al-Nawawi, 1911:

200). Hal ini terbukti apabila Quraish itu menjadi alat sokongan rakyat kepada khalifah ketika menjalankan amanah untuk menyatupadukan rakyat di bawahnya (Al-Khallaf, 1988: 63). Di sini menunjukkan pemimpin yang amanah dan mempunyai kekuatan untuk menjalankan amanah menjadi formula untuk menyelesaikan konflik perpecahan dalam masyarakat.

### **REALITI KEMAJMUKAN MASYARAKAT**

Masyarakat majmuk merupakan gabungan dua perkataan iaitu masyarakat dan majmuk. Perkataan masyarakat bermaksud sebagai kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu (Noresah, 2016). Perkataan majmuk pula berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *al-ta'adud* yang bererti berbilang-bilang, pelbagai, bertambah dan lebih daripada satu ('Umar, 2008). Masyarakat majmuk dari sudut sosiologi merujuk kepada persamaan pada satu unit politik yang sama, namun berbeza dari sudut kepercayaan, kebudayaan, bahasa, idea dan cara hidup tersendiri (John Sydenham Furnivall, 1956).

Dalam konteks pembinaan masyarakat, sesebuah negara yang baik adalah negara yang mampu mengurus masyarakat yang menghuni di dalamnya. Cabaran wujud apabila masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai kelompok sama ada dari aspek kaum, budaya dan agama. Isu-isu seperti keamanan, keharmonian dan interaksi antara kaum atau etnik pasti akan timbul dan berpotensi menjadi cabaran yang berpanjangan jika tidak ditangani dengan baik. Begitu pun kepelbagaian masyarakat merupakan lumrah bagi negara-negara di dunia yang patut diterima, namun usaha yang serius dan membina dalam menguruskan masyarakat majmuk memerlukan kaedah yang berhemah dan berhati-hati. Jika tidak ditangani dengan cermat, keharmonian negara boleh terganggu dengan berlakunya permusuhan dan pergaduhan yang menjejaskan interaksi antara masyarakat.

Hakikatnya tiada mana-mana negara yang majmuk secara mutlak sehingga langsung tiada kaum atau etnik yang dominan. Malah masyarakat majmuk di Malaysia sekalipun masih terdapat kaum yang dominan walaupun tidak kuat dominannya. Malaysia terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Manakala terdapat juga kaum lain yang minoriti termasuk suku kaum yang merupakan pecahan daripada tiga kaum utama seperti Melayu Bugis, Minang, Jawa, Cina Peranakan, Iban, Dayak dan lain-lain (Muhammad Ikhlas Rosele, 2019). Statistik terkini tahun 2021 penduduk Malaysia mengikut kaum adalah 69.8% penduduk bumiputera. Bumiputera di sini merupakan kaum Melayu dan pecahan Melayu. Seterusnya 22.4% kaum Cina, 6.8% kaum India dan 1% bangsa-bangsa lain (Laporan Perangkaan Demografi Malaysia, 2021).

Walaupun bumiputera adalah dominan dalam masyarakat majmuk di Malaysia, cabaran interaksi kaum sentiasa ada sehingga membentuk sejarah yang panjang sejak penjajahan barat ke Tanah Melayu, penjajahan Jepun, pembentukan Malayan Union dan persekutuan Tanah Melayu 1948. Oleh kerana itu kemajmukan masyarakat di Malaysia tidak boleh dilihat dari aspek kepelbagaian kaum semata-mata, malah harus juga dilihat kewujudan konflik-konflik yang berlaku.

Antaranya seperti perpecahan politik kepartian yang semakin menjadi-jadi, ekonomi bumiputera yang terpinggir dari kemajuan dan pembangunan, cabaran hak istimewa Melayu, persoal kedudukan institusi beraja, fungsi institusi Islam, kedudukan bahasa dan sebagainya (Muhammad Ikhlas Rosele, 2019). Isu-isu tersebut menunjukkan bahawa semakin banyak hal-hal berkaitan interaksi kaum ditimbulkan maka semakin tinggi isu perpaduan akan muncul. Perkara ini berlarutan sehingga berlaku pada masa kini.

Justeru, bagi menangani atau mengawal fenomena ini menjadi lebih parah, satu formula yang tepat harus dikemukakan. Sehubungan itu, persoalan timbul bagaimana kaedah yang terbaik bagi menangani masyarakat majmuk dalam memupuk perpaduan yang kukuh dalam masyarakat Malaysia.

### ASAS SYARIAH DALAM MENDEPANI KEMAJMUKAN MASYARAKAT

Islam adalah suatu ajaran yang menjaga kelestarian hidup manusia. Ia bukan hanya agama dalam ruang lingkup sistem kepercayaan sahaja, malah juga melibatkan peraturan hidup bermasyarakat dalam sistem politik yang mengurus sesebuah kerajaan dan rakyat. Kaedah pentadbiran Islam berasaskan kepada nas-nas yang terdiri dari al-Qur'an dan al-Sunnah, kemudiannya ditafsir oleh para ulama. Sekiranya kaedah pengurusan dan pentadbiran tiada dalam nas tersebut, maka diambil daripada pendapat para mujtahid, dengan syarat ia tidak bertentangan dengan prinsip dan kaedah asas yang ditetapkan oleh syaria Islam (Bharudin Che Pa, 2020). Begitu juga secara dasarnya ia tidak boleh bercanggah dengan dalil-dalil yang jelas dan matlamat syarak.

Dalam sesebuah pemerintahan, aspek yang penting bagi melicinkan pentadbiran bagi menghadapi kerencaman masyarakat yang majmuk adalah ketaatan rakyat sepenuhnya kepada polisi dan dasar. Tidak mungkin sesebuah kerajaan dalam mentadbir urusan rakyat tanpa ketaatan rakyat sendiri, sebagaimana mustahil mewujudkan pemimpin yang adil tanpa rakyat yang amanah dalam menguruskan kehidupan rakyatnya. Allah menegaskan dalam surah al-Nisa ayat 59 tentang ketaatan kepada pemerintah. Ketaatan rakyat kepada pemerintah adalah wajib sama ada rakyat suka ataupun tidak, selagi pemerintah tidak memerintah dalam perkara maksiat. Hal ini telah dijelaskan dalam hadith Nabi SAW (Hadith. Al-Bukhari, 2001: 7144).

Perkara ini dijelaskan oleh al-Kashmiri bahawa wajib mentaati pemerintah dalam urusan politik dan pentadbiran sekiranya perkara tersebut mengandungi *masalah* (Al-Kashmiri, 2005). Dalam konteks masyarakat majmuk, seharusnya ketaatan rakyat itu mesti diutamakan kerana *masalah* menjaga hubungan antara masyarakat itu adalah penting bagi meneruskan keharmonian dan perpaduan negara.

Di samping itu, terdapat kaedah fiqh yang boleh dijadikan asas kukuh dan hujah untuk menyokong pemakaian kaedah ijtihad dalam pelbagai persoalan baharu yang tidak dinaskan secara jelas oleh syarak (Al-Burnu, 2000). Dalam Islam terdapat kaedah fiqh yang menjelaskan autoriti pihak kerajaan dalam membuat dan melaksanakan polisi dan dasar yang harus dipatuhi oleh semua pihak seperti kaedah *tasarruf al-imam 'ala al-ra'iyah manut bi al-maslahah* yang bermaksud tindakan pemerintah tertakluk kepada *masalah* rakyat dan *amr al-imam yarfa' al-khilaf* bermaksud keputusan pemerintah mengangkat khilaf. Kaedah-kaedah ini menunjukkan bahawa apabila kerajaan hendak melakukan suatu keputusan, pandangan atau polisi dan dasar yang dipilih oleh kerajaan memiliki autoriti lebih tinggi berbanding keputusan atau pandangan individu (Mohd Hapiz Mahaiyadin, 2020).

Malah pandangan atau keputusan pihak atau badan bukan kerajaan perlu diketepikan demi untuk kemaslahatan umum. Secara tidak langsung ia dapat membina perpaduan dalam masyarakat berdasarkan pemusatan keputusan dan tindakan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Dalam sesebuah pemerintahan kerajaan, *masalah* menjadi neraca dan sasaran untuk mencapai kesejahteraan rakyat (Al-Suyuti, 1990) terutamanya apabila berdepan dengan kemajmukan masyarakat. *Maslahah* terdiri daripada *masalah* umum dan *masalah* khusus. *Maslahah* umum adalah kepentingan umum yang menjadi perkiraan kerajaan dalam mengurus rakyat, manakala *masalah* khusus pula adalah kepentingan kaum, institusi, badan atau peribadi yang berada di bawah pemerintahan kerajaan.

Bagi menghadapi kemajmukan masyarakat, seharusnya *masalah* umum mesti menjadi perkiraan berbanding *masalah* khusus. Ia menepati prinsip asas dalam Islam *al-maslahah al-'ammah tuqaddam 'ala al-maslahah al-khassah* iaitu kepentingan umum perlu didahulukan daripada kepentingan peribadi.

Aplikasi *masalah* umum ini penting dalam menimbangkan polisi dan dasar kerajaan terhadap rakyat (Bharudin Che Pa, 2020) yang majmuk supaya negara sentiasa berada dalam keadaan harmoni dan aman damai. Sekiranya kerajaan tidak mengikut perkiraan *masalah* umum dengan mendahulukan *masalah* khusus atau kepentingan peribadi sebahagian rakyat, maka implikasinya akan memudaratkan masyarakat umum.

Dari aspek lain *masalah* umum dapat dilihat dari sudut kekuatan dan bilangan yang ramai selain daripada kepentingan umum. Hal ini jika dilaksanakan dalam konteks masyarakat majmuk berdasarkan konsep quraishiyah, maka kemampuan menjalankan amanah dan *'usbah* yang kuat itu seharusnya menjadi pertimbangan bagi menghadapi isu-isu yang berlaku dalam masyarakat majmuk.

### **APLIKASI KONSEP QURAIISHIYAH DI MALAYSIA**

Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Asasnya, sistem pemerintahan Malaysia ini dipilih adalah disebabkan aspek sejarah Malaysia pernah melalui era pentadbiran oleh British yang memerintah bersama dengan raja-raja Melayu. Pentadbiran bersama ini dengan bidang kuasa masing-masing berlaku sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dengan penggabungan pentadbiran negara ini diterapkan juga sistem pentadbiran British.

Gabungan elemen-elemen pentadbiran Raja Melayu dan British diterjemahkan melalui perlembagaan Malaysia ini dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan. Sistem beraja yang menjadi latar belakang bagi negara ini menjadikan sistem demokrasi di Malaysia mempunyai kelainan dan keistimewaan berbanding dengan sistem demokrasi negara lain.

Aplikasi konsep Quraishiyah dalam konteks Malaysia secara praktikal memerlukan pertimbangan dengan melihat latar belakang dan susur-galur sejarah kemasyarakatan dan pemerintahannya. Tanah air ini dahulunya ditadbir oleh pemerintahan beraja. Kemudian menerima syariat Islam secara komprehensif dengan pengaruh realiti adat resam Melayu yang kuat.

Hakikatnya Malaysia mengalami sejarah yang panjang, penduduk asalnya yang bercampur dengan pendatang luar dan undang-undang yang sedia wujud sebelum kemerdekaan mahupun mengalami perubahan selepas kemerdekaan. Ini menunjukkan realiti penduduk di Malaysia jelas berbeza dengan kaum Quraish yang hidup di tanah Arab ketika abad dahulu yang mempunyai realitinya tersendiri. Atas pertimbangan itu, konsep Quraishiyah iaitu *'usbah* dan kemampuan melaksanakan amanah itu diterjemahkan kepada konteks negara ini kepada tiga aspek, iaitu *siyadah tarikhyyah*, *siyadah sya'biyyah* dan *siyadah dusturiyyah*.

### **Siyadah Tarikhyyah (Ketuanan Sejarah)**

Secara asasnya, Malaysia merupakan sebuah negara yang terbentuk hasil daripada penubuhan Persekutuan Malaysia 1963 hasil gabungan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Malaysia lahir selepas enam tahun Tanah Melayu merdeka dari pentadbiran British dalam tempoh yang lama. Ketika tempoh Tanah Melayu di bawah pentadbiran British, kedaulatan Melayu masih terpelihara. Kedaulatan Melayu diiktiraf kerana institusi dan Majlis Raja-raja Melayu masih memerintah bagi Tanah Melayu walaupun berkuasa dalam konteks adat dan agama Islam.

Pengiktirafan Melayu ini diberikan memandangkan asalnya Melayu adalah peribumi yang menguasai Asia Tenggara dengan mempunyai sistem kemasyarakatan dan ekonomi dengan jati dirinya sebagai 'Melayu'. Dalam catatan sejarah, sejak abad ke-2M (Wan Hashim Wan Teh, 1991) telah wujud entiti Melayu sebagaimana tercatat dalam catatan Ptolemy dengan sebutan Malayu-Kulon. Malayu-Kulon bermaksud bahagian Malayu atau dari segi geografi sebagai tanah atau wilayah Malayu (Mohamed Anwar Omar Din, 2011). Hal ini disokong dengan berlakunya aktiviti perdagangan dalam tamadun Lembah Bujang di Kedah sejak awal abad ke-2 hingga 14 Masihi (Naim, 2017). Oleh sebab itu Melayu pernah digelar sebagai masyarakat pantai atau masyarakat maritim (Mohd Yusof, 2017).

Ahli antropologi iaitu Peter Gathercole pernah melihat bukti arkeologi, linguistik dan etnologi yang menunjukkan Melayu ialah pelaut yang pernah menguasai perairan laut Pasifik dan Hindi. Beliau mendedahkan ras Melayu-Polinesia ialah kelompok penjajah yang dominan pada ketika dahulu yang menguasai wilayah yang luas bermula di sebelah

barat hingga ke Madagaskar, di sebelah timur pula hingga ke Easter Island, di sebelah utara hingga ke Hawaii dan di sebelah selatan hingga ke New Zealand (Peter Gathercole, 1983). Tanah air adalah perkataan yang wujud kerana kepentingan laut itu membawa kesan yang besar kepada sistem sosial, ekonomi, politik dan kerohanian masyarakat Melayu.

Berdasarkan konsep Quraishiyah, *'usbah* atau kekitaan yang wujud dalam kalangan kaum Melayu di Malaysia adalah amat kuat sekali kerana mereka mempunyai salasilah keturunan yang sama. Malah dari aspek bahasa, mereka mempunyai bahasa yang sama dan dikategorikan sebagai Melayu-Polinesia (Nik Hassan Shuhaimi, 1985). Ikatan ini dapat mendorong mereka membina kerjasama yang semulajadi dan menjadi pencetus kepada perpaduan kaum dalam masyarakat majmuk. Cetusan kaum Melayu ini dapat mempengaruhi kaum-kaum minoriti yang lain untuk turut bersama memelihara keamanan masyarakat majmuk.

### ***Siyadah Sya'biyyah (Ketuanan Kaum)***

Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan keturunan. Kaum yang terbesar rakyat Malaysia adalah dari kaum Melayu dan peribumi yang terdiri daripada Orang Asli, Sabah dan Sarawak. Orang Asli umumnya mempunyai tiga etnik yang terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Etnik di Sabah pula terdiri daripada 32 etnik yang majoritinya ialah etnik Kadazandusun. Etnik lain termasuk Rungus, Bajau, Bajau Laut, Murut, Lundayeh, Orang Sungai dan Iranun. Penduduk Sarawak pula terdiri daripada 27 kumpulan etnik dan etnik Iban adalah etnik majoriti selain daripada Bidayah, Melanau dan Orang Ulu.

Pada tahun 2021, Jumlah penduduk Malaysia dianggarkan 32.66 juta orang. Bumiputera termasuk Melayu mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 69.8 peratus iaitu 20.9 juta orang, diikuti kaum Cina 22.4 peratus iaitu 6.7 juta orang, kaum India 6.8 peratus iaitu 2 juta orang dan lain-lain sebanyak 1 peratus iaitu 0.3 juta orang (Laporan Perangkaan Demografi Malaysia, 2021).

Dari aspek demokrasi yang menjadi sistem pemerintahan Malaysia, menurut Hobhouse salah seorang tokoh falsafah demokrasi menyatakan kebebasan bagi setiap orang mestilah atas prinsip kebaikan bersama yang dihadkan oleh hak-hak bagi semua orang (Dorothy Pickles, 1984). Begitu juga Holden menyatakan kebebasan dalam demokrasi ada batasannya iaitu rakyat diberi ruang berdasarkan perlembagaan atau beberapa polisi dengan memberi kuasa kepada rakyat untuk menentukan dasar selagimana ia bertepatan dengan kemaslahatan umum (Mohd Izani Mohd Zain, 2005). Konsep kebebasan Hobhouse ini lebih mirip kepada Islam melalui prinsip *maslahah* umum lebih diutamakan daripada *maslahah* peribadi. Dalam konteks masyarakat majmuk *maslahah* umum merujuk kepada *maslahah* kaum terbesar yang lebih diutamakan daripada *maslahah* kaum yang minoriti.

Menurut al-Muradi, apabila seseorang pemimpin itu mendahulukan *maslahah* bagi kumpulan majoriti, pemimpin tersebut akan mudah mendapat bantuan dalam pelaksanaannya bagi mencapai matlamatnya, berbanding jika mendahulukan *maslahah* sendiri atau yang minoriti, maka akan menyebabkan matlamatnya tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana kurang kesungguhan orang yang membantunya (Al-Muradi, 2003).

Malah memihak kepada majoriti dapat mengurangkan masalah, pertikaian dan permusuhan kerana *maslahah* majoriti itu dipenuhi dengan baik. Hal ini disokong oleh ahli falsafah yang menyatakan bahawa memihak undi majoriti adalah paling adil untuk memutuskan sesuatu bagi kumpulan yang pelbagai (Muhammad Al' Mahdi, 2011). Oleh kerana itu, dari aspek kaum, bumiputera adalah kaum terbesar yang mempunyai majoriti dan *maslahah* mereka hendaklah didahulukan bagi mengelak berlakunya masalah yang lebih besar berbanding jika mendahulukan *maslahah* kaum minoriti seperti Cina dan India.

### **Siyadah Dusturiyyah (Ketuanan Perlembagaan)**

Perlembagaan Malaysia merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan yang wujud hasil interaksi sosial masyarakat yang sudah lama mendiami di negara ini. Perkembangan perlembagaan Malaysia bermula sejak pelaksanaan undang-undang Islam sebelum zaman kemerdekaan lagi. Ia dikesan menurut sejarah melalui batu bersurat Terengganu bertarikh 14 Rejab 702H bersamaan 22 Februari 1303M, Risalah Hukum Kanun Melaka yang ditulis antara 1446-1456M oleh Hang Sidi Ahmad, Undang-undang Laut Melaka, Hukum Kanun Pahang 1596, Undang-undang Kedah 1078H, Hukum Qanun Dato, Star, Undang-undang Kedah 1199H/1784M, Kanun Johor 1789 dan lain-lain (Mohd Izhar Ariff Mohd Hashim, 2010).

Dari sini undang-undang Islam telah lama melatari negara Malaysia. Walaupun ia dilaksanakan secara terasing mengikut wilayah-wilayah yang terdapat dalam negara, namun rujukan dan sumber perundangan itu adalah tidak melencong asasnya yang berpandukan kepada sumber-sumber hukum Islam.

Setelah berlalu zaman dalam tempoh yang lama, interaksi sosial masyarakat mengalami perubahan apabila berlaku proses migrasi dan globalisasi. Ia bermula dengan kemasukan penjajah ke Tanah Melayu hingga membawa kepada kemasukan kaum-kaum lain ke negara ini. Akhirnya setelah period kemerdekaan, perlembagaan Malaysia secara rasminya dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan dipengaruhi perjuangan Melayu dan bumiputera melalui Raja-raja Melayu dengan perundingan kaum-kaum lain pihak British (Ayu Nor Azilah Mohamad, 2019).

Ia bermula dengan kontrak sosial ketika negara dalam proses mencapai kemerdekaan. Perjanjian yang dilakukan melibatkan beberapa pihak yang menuntut hak masing-masing dalam pembinaan negara yang merdeka. Pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian itu ialah antara penduduk asal dan bukan penduduk asal Tanah Melayu (Mohd Sufian Moktar, 2015).

Penduduk asal negara ini ialah masyarakat bumiputera di Semenanjung seperti orang Melayu dan orang Asli, dan di Sabah dan Sarawak dengan pelbagai suku kaum bumiputera. Manakala bukan penduduk asal ialah orang Cina dan India yang merupakan imigran buruh dibawa masuk oleh British ke Tanah Melayu (INTAN, 1991). Akhirnya Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kedudukan anak watan dalam kalangan Melayu dan bumiputera, Orang Asli dan juga kaum-kaum lain dalam beberapa perkara perlembagaan. Antaranya berkaitan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu tentang hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera dan taraf kewarganegaraan. Begitu juga kedudukan Raja-raja Melayu dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan telah dipersetujui bersama dan termaktub dalam perlembagaan (INTAN, 1991).

Ini bermakna Perlembagaan berfungsi mengurus kepelbagaian kaum bagi mengangkat khilaf yang berlaku antara kaum dan seterusnya menjadi ikatan dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Di sini menunjukkan Melayu dan bumiputera adalah pengikat utama kepada masyarakat majmuk sehingga hak dan keistimewaannya dijanjikan dalam Perlembagaan Persekutuan.

### **PENUTUP**

Asasnya, dari sudut pengertian Quraishiyah asal nama Quraish itu tidak dapat dijadikan sandaran yang kuat untuk membina konsep Quraishiyah. Namun kewibawaan yang ada pada Quraish itu harus ditonjolkan. Hal ini berdasarkan faktor kemampuan Quraish dalam memimpin dan mentadbir sehingga hak kepimpinan itu diakui oleh Nabi SAW. Oleh kerana itu pengkaji melihat kewibawaan Quraish itu berdasarkan kepada dua unsur utama iaitu *asabiyyah* dari konteks positif disebut sebagai *'usbah* dan kemampuan untuk melaksanakan amanah.

Apabila melihat realiti kemajmukan masyarakat, Malaysia tidak terlepas kepada pelbagai cabaran interaksi kaum sehingga wujud pelbagai konflik-konflik antara kaum dalam lapangan politik, ekonomi dan pembangunan yang menyebabkan tergugatnya

kestabilan perpaduan negara. Ia berpunca suara-suara kaum minoriti yang sentiasa menuntut hak mereka walaupun tanpa sedar ia menggugat *masalah* umum bagi memelihara kestabilan dan keharmonian negara.

Oleh yang demikian, menyedari gugatan kestabilan perpaduan itu berlaku, maka kemajmukan itu seharusnya dinilai dari aspek Syariah Islam yang juga menjadi asas perlembagaan persekutuan terutamanya dinyatakan dalam Perkara 1(3) Islam sebagai agama persekutuan. Ini bermakna nas-nas syariah harus menjadi panduan kepada pemimpin dan rakyat. Malah dalam menangani perlawanan kaum majoriti dan minoriti, terdapat beberapa prinsip dan kaedah syarak yang dapat diaplikasikan dalam konteks negara bagi memelihara masyarakat majmuk. Selain itu, konsep Quraishiyah di Malaysia harus dilihat kepada tiga aspek iaitu secara *tarikhiyyah* (pensejarahan), *syabiyyah* (perkauman) dan *dusturiyyah* (perlembagaan).

Ketiga-tiga aspek ini amat penting kerana tradisi sejarah negara tidak harus diabaikan kerana sejarah itu membina sebuah bangsa dan negara. Kewujudan kaum atau bangsa di negara harus diambil kira memandangkan mereka adalah penggerak dan pencetus kepada kestabilan untuk memelihara perpaduan negara. Perlembagaan pula adalah dianggap kata pemutus dalam apa-apa pertelingkahan yang berlaku dalam masyarakat majmuk kerana setiap warganegara telah bersumpah setia untuk taat setia kepada perlembagaan. Oleh itu, ketiga-tiga unsur ini dianggap sebagai konsep 'Quraishiyah Malaysia' yang dapat mengukuhkan kestabilan, integrasi nasional dan perpaduan kaum negara ini.

## RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulayman bin Al-Ash'ath. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Bayrut: Dar Al-Risalah Al-'Alamiyyah, Jil. 7.
- Ahmad bin Hanbal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Bayrut: Mu'assasah Al-Risalah.
- Al-Bukhariyy, Muhammad bin Isma'il. 1987. *Sahih Al-Bukhariyy*. Bayrut: Dar Ibn Kathir, Ed. 3, Jil. 1-3.
- Al-Burnu, Muhammad Sidqi Ibn Ahmad. 2000. *Mawsu'ah Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah*. Riyad: Maktabah Al-Tawbah.
- Dorothy Pickles. 1984. *Pengantar Ilmu Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Husni, Muhammad bin Isma'il. 2011. *Al-Tanwir Sharh Al-Jami' Al-Saghir*. Tahq. Muhammad Ishaq. Al-Riyad: Maktabah Dar al-Salam, Jil. 9.
- Ibn Khaldun, 'Abd Al-Rahman bin Muhammad. 1988. *Tarikh Ibn Khaldun*. Bayrut: Dar Al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram. 1993. *Lisan Al-'Arab*. Bayrut: Dar Al-Sadir, Ed. 3, Jil. 1.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd Al-Halim. 1997. *Al-Siyasah Al-Shar'iyah*. Mamlakah al-'Arabiyyah Al-Su'udiyah.
- INTAN. 1991. *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Al-Jahiz, 'Umar bin Bahr. 1989. *Tahdhib Al-Akhlaq*. Tanta: Dar Al-Sahabat Li Al-Turath.
- John Sydenhem Furnivall. 1956. *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. New York: New York University Press.
- Al-Kashmiriyy, Muhammad 'Anwar. 2005. *Fayd Al-Bari 'Ala Sahih Al-Bukhariyy*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, Jil. 6.
- Khallaf, 'Abd al-Wahhab. 1988. *Al-Siyasah Al-Shar'iyah Fi Al-Shu'un Al-Dusturiyyah Wa Al-Kharijiyyah Wa Al-Maliyyah*. t.tp.: Dar Al-Qalam.
- Al-Mawardiyy. 1960. *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayah Al-Diniyyah*. Bayrut: Dar Al-Fikr.
- Mohd Izani Mohd Zain. 2005. *Islam dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, Ed. 2.

- Muhammad Al' Mahdi. 2011. *The Unified Theory of Existence: Human Social Behaviour*. Terj. Rosiah Jantan. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, Vol. 2(1).
- Al-Munawiyy, Zayn Al-Din Muhammad. 1937. *Fayd Al-Qadir Al-Sharh Al-Jami' Al-Saghir*. Al-Qahirah: Al-Maktabah Al-Tijariyyah Al-Kubra, 1(1).
- Al-Muradiyy, Muhammad bin Hasan. 2003. *Kitab Al-Siyasah Aw Al-Isharah Fi Tadbir Al-Imarah*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Muslim bin Al-Hajjaj Al-Qushayriyy Al-Naysaburiyy. 1955. *Sahih Muslim*. Al-Qahirah: Matba'ah 'Isa Al-Babiyy Al-Halabiyy Wa Shirkah.
- Naim, Azlan, Fahmi, Zulhairi, Khairunnisa, Atiqah, Fadzreen dan Haryati. 2017. *Lembah Bujang: Misteri yang Tersingkap*. Pulau Pinang: Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang Publishing Sdn. Bhd.
- Al-Nawawiyy, Muhyi Al-Din Yahya bin Sharaf. 1911. *Sharh Al-Nawawiyy 'Ala Muslim*. Bayrut: Dar Ihya' Turath Al-'Arabiyy, 2(12).
- Noresah bt Baharom. 2016. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Ed. 2.
- Peter Gathercole. 1983. *Pacific Adventure*. The Unesco Courier: Civilizations of the Sea (Paris), December.
- Al-Qalqashandiyy, Ahmad bin 'Aliyy. 1980. *Nihayah Al-Irb Fi Ma'rifah Ansab Al-'Arab*. Bayrut: Dar Al-Kitab Al-Lubnanin.
- Al-Suyutiyy, 'Abd Al-Rahman bin Abi Bakr. 1990. *Al-Ashbah Wa Al-Naza'ir*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- 'Umar, Ahmad Mukhtar. 2008. *Mu'jam Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah*. Qahirah: Dār 'Alam Al-Kutub, Jil. 2.
- Wan Hashim Wan Teh. 1991. *Dunia Melayu dan Tersebar Luasnya Rumpun Bangsa Melayu dalam Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.

### Tesis

- Mohd Sufian Moktar. 2015. *Kefahaman Bay'ah dalam Sistem Demokrasi di kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu*. Tesis Sarjana Syariah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.

### Jurnal

- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa & Wayu Nor Asikin Mohamad. 2019. *Perlembagaan Persekutuan Malaysia mengharmonikan Ikatan Masyarakat Majmuk di Malaysia*. Journal of Muwafaqat, Vol. 2(1).
- Bharudin Che Pa, Siti Arni Basir & Shukeri Mohamed. 2020. *Perlaksanaan Siyāsah Syar'iyah dalam Pentadbiran di Malaysia*. Jurnal Al-Tamaddun, Bil. 5: 37-72.
- Mohamed Anwar Omar Din. 2011. *Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarah*. Jurnal Melayu, No. 7.
- Mohd Hapiz Mahaiyadin & Zakiah Samori. 2020. *Kawalan Penularan Wabak Merbahaya Menurut Perspektif Siasah Syar'iyah*. Journal of Fatwa Management and Research, Vol. 22(1).
- Mohd Izhar Ariff Mohd Hashim. 2010. *Prinsip dan Model Negara Islam: Definisi dan Aplikasinya di Malaysia*. Journal of Governance and Development. Vol. 6: 53-68.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Abdul Karim Ali, Muhammad Safwan Harun & Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain. 2019. *Pendekatan Wasatiyyah dalam Kerangka Al-Ta'ayush Masyarakat Majmuk di Malaysia: Satu Tinjauan*. Jurnal Ilmi, Jil. 9: 81-89.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1985. *Artifak Kebudayaan Melayu: Sumbangan Arkeologi dan Arkeologis*. Jurnal Perspektif, Jil. 2(1)

### **Kertas Kerja Persidangan**

Mohd Yusof bin Abdullah. 2017. *Ilmu Kelautan, Perahu Dan Pelayaran Melayu Terengganu. Pembentang*, Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017. Perpustakaan Negara Malaysia. 10-12 Oktober.

### **Internet**

Laporan Perangkaan Demografi Malaysia. 2021. Suku Tahun Kedua 2021. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5\\_Gallery/2\\_Media/4\\_Stats%40media/4-Press\\_Statement/2021/8%20gos/DEMOGRAFI%20Q221-COMBINE.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2021/8%20gos/DEMOGRAFI%20Q221-COMBINE.pdf). (diakses pada 30 Disember 2021).

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*